



جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(50)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 12 TAHUN 2023

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) BAGI PESALAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan tatacara perintah dan prosedur menjatuhkan hukuman serta pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] (Pindaan) 2022 dengan berpandukan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah yang telah ditetapkan sepertimana di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA